



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 OKTOBER 2022 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

25 OKTOBER 2022 (SELASA)

Penyeludup tinggalkan lebih satu tan minyak masak peket bersubsidi

TUMPAT: Seorang penyeludup lari lintang pukang dengan meninggalkan sebuah kereta Proton Wira Aeroback yang sarat mengandungi 1,020 kilogram (kg) minyak masak selepas dikejar oleh anggota penguat kuasa di di Jalan Hulu Stesen Kereta Api Wakaf Bharu, di sini semalam.

Suspek bertindak demikian bagi mengelakkan daripada ditahan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri dalam serbuan pukul 5 petang.

Pengaranya, Azman Ismail berkata, bertindak atas maklumat risikan sepasukan anggota bertugas bersama Unit Peronda Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat telah bertindak mengekori pergerakan sebuah kenderaan jenis Proton Wira Aeroback yang dipandu dalam

keadaan mencurigakan.

Menurutnya, kereta tersebut dipandu suspek dari arah Pasir Pekan menghala ke Wakaf Bharu disyaki membawa barang kawalan itu untuk diseludup ke negara jiran.

"Menyedari diekori, suspek terus memecut laju menghala ke Jalan Hulu Stesen Kereta Api Wakaf Bharu dan meninggalkan kereta tersebut sebelum melarikan diri ke kawasan semak.

"Pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan itu menjumpai 60 kotak mengandungi minyak masak peket bersubsidi yang disyaki untuk diseleweng melalui pangkalan haram," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azman memberitahu, siasatan dan tindakan selanjutnya akan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pemandu lari tinggalkan 1,020kg minyak masak

Tumpat: Seorang lelaki diper-
caya menyaludup meninggalkan
1,020 kilogram (kg) minyak masak
bersubsidi di dalam keretanya, di-
percaya untuk diseludup ke Thai-
land, bagi mengelak ditahan pihak
berkuasa.

Dia bertindak demikian sebaik
menyedari kenderaan dipandunya
diekori pihak berkuasa, bermula
dari Pasir Pekan sehingga Jalan
Hulu Stesen Wakaf Bharu, di sini,
petang kelmarin.

Pengarah Kementerian Per-
dagangan Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
Kelantan, Azman Ismail, berkata

hasil maklumat risikan, kereta itu
dikesan pada jam 5 petang.

"Pemandunya memecut laju
kereta menuju Jalan Hulu Stesen
Wakaf Bharu. Dengan bantuan
Unit Peronda Ibu Pejabat Polis Da-
erah (IPD) Tumpat, kereta itu ber-
jaya dipintas di laluan kecil, tapi
pemandunya melarikan diri ke
kawasan semak dengan mening-
galkan kereta.

"Pemeriksaan dalam kereta
menemui 1,020kg minyak masak
dengan anggaran nilai RM2,550
yang dipercaya untuk diseludup
ke Thailand," katanya di sini se-
malam.



Anggota pengawas menunjukkan minyak masak dipercaya untuk
diseludup ditinggalkan dalam kereta di Tumpat, semalam.

(Foto ihsan KPDNHEP)

Cubaan seludup minyak masak gagal

KPDNHEP rampas lebih satu tan minyak masak peket dalam sebuah kereta

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
TUMPAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mematahkan cubaan menyeludup lebih satu tan minyak masak peket di Jalan Hulu Stesen Kereta Api Wakaf Bharu di sini pada Ahad.

Serbuhan tersebut dijalankan dalam Op Membanteras Ketirisan Barang Kawalan pada jam 5 petang.

Pengarah KPDNHEP

Kelantan, Azman Ismail berkata, hasil maklumat risikan, pihaknya mengekori pergerakan sebuah kereta jenis Proton Wira Aeroback bernombor pendaftaran Malaysia yang mencurigakan dari arah Pasir Pekan menghala ke Wakaf Bharu di sini.

"Suspek membawa minyak masak bersubsidi yang dipercaya untuk diseludup ke negara jiran.

"Menyedari diekor, suspek bertindak memecut laju menghala ke Jalan Hulu Stesen Kereta Api Wakaf Bharu, namun dapat dipintas dengan bantuan Unit Peronda Polis Tumpat," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, pemandu kereta tersebut bagaimanapun milarikan diri di kawasan semak berhampiran dengan meninggalkan kenderaan dan gagal dikesan.

"Dalam pemeriksaan lanjut

ke atas kenderaan ini, kami menjumpai 60 kotak mengandungi minyak masak bersubsidi peket satu kilogram (kg) dengan anggaran kuantiti sebanyak 1,020kg atau 1.02 tan metrik diisyaki untuk diseleweng melalui pangkalan haram.

"Nilai rampasan minyak masak tersebut dianggarkan berjumlah RM2,550 dan sebuah kereta bernilai RM8,000 turut disita," katanya.

Azman berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan kesemua barang itu dista untuk tindakan selanjutnya.

Beliau menggesa orang ramai menyulurkan maklumat sekiranya mengesyaki sebarang aktiviti yang mencurigakan.

"KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas dan tidak berkompromi terhadap segala aktiviti penyeludupan barang kawalan," katanya.



Minyak masak bersubsidi dimuatkan di dalam kereta Proton Wira Aeroback dipercaya untuk diseludup ke negara jiran.

Tumpat: Lelaki dipercayai penyeludup bertindak melarikan diri dengan meninggalkan 1,020 kilogram (kg) minyak masak dalam sebuah kereta.

Tindakan itu dilakukan sebaik menyedari kenderaan yang dipandunya itu diukur pihak berkuasa bermula dari Pasir Pekan hingga memasuki Jalan Hulu Stesen Wakaf Bharu di sini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan Azman Ismail berkata, hasil maklumat risikan pihaknya, kenderaan jenis Proton Wira Aeroback itu dikesan kira-kira jam 5 petang kelmarin dan dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota kami mengekorinya kenderaan itu namun ia disedari pemandunya sebelum dia bertindak memecut kenderaannya itu."

"Dengan bantuan Unit Kereta Peronda Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat, kereta itu berjaya dipintas di laluan kecil tapi permanduannya bertindak melarikan diri di kawasan semak berhampiran dengan meninggalkan kereta seterusnya gagal dikesan."

Ketakutan tinggal 1,020kg minyak



SEBANYAK 1,020kg minyak masak dalam kereta ditemukan dalam serbuan di Jalan Hulu Stesen Wakaf Bharu.

"Pemeriksaan dalam kereta mendapati sebanyak 1,020kg minyak masak dengan anggaran nilai RM2,550 ditemukan dan dipercayai untuk diseludup ke Thailand," katanya menerusi satu kenyataan media di sini, semalam.

Azman berkata, pihaknya sudah menjalankan risikan sejak dua minggu lalu terhadap kenderaan itu yang

dipercayai digunakan untuk aktiviti penyeludupan minyak masak yang diambil dari daerah lain di negeri ini.

Katanya lagi, kegiatan penyeludupan itu dilakukan secara berkumpulan dengan beberapa kenderaan berasingan dan terdapat khidmat tonto digunakan untuk mengawasi pihak berkuasa.

4x4 penuh barang seludup

Pasangan warga Thailand ditahan bersama tepung gandum 530kg, minyak masak peket 102kg

Oleh Hidayatidau
Razali
am@hmetro.com.my

Tanah Merah

Tindakan pasangan suami isteri warga Thailand yang cuba menyeludup tepung gandum dan minyak masak subsidi peket satu kilogram (kg) gagal apabila ditahan dalam operasi di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaranin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga di sini, semalam.

Pasangan masing-masing berusia 34 dan 35 tahun itu ditahan oleh sepasukan Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cabangan Tanah Merah bersama Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) menerusi Ops Membanteras Ketirisan Barang Kawalan antara 8 pagi hingga 6 petang.

Pengarah KPDNHEP Kelantan Azman Ismail berkata, pihaknya turut merampas tepung gandum sebanyak 530 kilogram (kg) dengan nilai sitaan RM1,272 dan minyak masak peket sa-



MINYAK masak subsidi peket dan tepung gandum dirampas ketika cuba diseludup masuk ke negara jiran dalam operasi di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaranin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga.

tu kg sebanyak 102kg dengan nilai RM255 serta pacuan empat roda Toyota Hilux bernilai RM80,000.

Menurutnya, ketika pasukan sedang menjalankan periksaan ke atas beberapa

kenderaan, didapati sebuah kenderaan nombor pendaftaran negara asing dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan mendapat bahagian belakang kenderaan penuh dengan

muatan barang kawalan tepung gandum dan minyak masak subsidi bernilai RM1,527.

"Barang kawalan dan Toyota Hilux dengan nilai keseluruhan RM81,527 disita.

"Pasukan bertindak menahan pasangan suami isteri itu yang juga warganegara asing untuk tindakan lanjut.

"Mereka ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dibaca bersama Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya menerusi satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau tiga tahun penjar atau kedua-dua sekali bagi individu dan RM2 juta bagi perbadanan.

Katanya, suami isteri itu diremeh selama empat hari bermula semalam iaitu lelaki di lokap di Balai Polis Tanah Merah, manakala wanita di Balai Polis Batang Merbau.

Suami isteri cuba seludup barang kawalan dicekup

TANAH MERAH: Cubaan 'berani' sepasang suami isteri warga Thailand menyeludup barang kawalan menggunakan laluan sah di Kompleks Imigresen Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga, di sini gagal apabila diberkas anggota penguat kuasa semalam.

Pasangan suami isteri yang 30an itu ditahan sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri menerusi Op Bersepadu bersama Batalion 7 Pasukan Gerakari Am (PGA) Kuantan pada pukul 1.30 petang.

Pengarah KPDNHEP negeri, Azman Ismail berkata, dalam Op

itu, semasa melakukan pemeriksaan di ICQS Bukit Bunga itu anggota bertugas telah mengesan sebuah pacuan empat roda milik warga Thailand yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Pemeriksaan lanjut di bahagian belakang kenderaan tersebut menemukan barang kawalan iaitu tepung gandum seberat 530 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM1,272.

"Selain itu kita turut menjumpai 102 kg minyak masak peket bersubsidi dengan nilai rampasan berjumlah RM255," katanya di sini semalam.

Azman memberitahu, kedua-dua suspek direman selama empat hari di Balai Polis Tanah

Merah bagi lelaki dan Balai Polis Batang Merbau bagi wanita untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dibaca bersama Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM1 juta atau tiga tahun penjara atau kedua-dua sekali bagi individu dan RM2 juta bagi perbadanan.

"KPDNHEP Kelantan memberi amaran keras kepada mana-mana individu yang menjalankan aktiviti yang tidak bermoral ini, seterusnya tindakan tegas akan diambil tanpa kompromi," ujarnya.



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP Kelantan memeriksa tepung gandum dan minyak masak peket bersubsidi yang dirampas semalam.

- UTUSAN/IHSAN KPDNHEP

Suami isteri warga Thai gagal seludup tepung, minyak masak



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa trak pikap membawa tepung gandum dan minyak masak peket di Kompleks ICQS Bukit Bunga, Tanah Merah, Kelantan kelmarin.

TANAH MERAH – Cubaan sepasang suami isteri warga Thailand menyeludup sebanyak 530 kilogram (kg) tepung gandum dan 102kg minyak masak peket gagal sewaktu pemeriksaan di Kompleks Imigresen Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga di sini kelmarin.

Pasangan yang berusia dalam lingkungan 30-an itu ditahan pada pukul 1.30 tengah hari ketika menuaki sebuah trak pikap melalui ICQS untuk pulang ke negara mereka.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Azman Ismail berkata, anggota penguat kuasa KPDNHEP dan Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) menjalankan Op Bersepada di pintu masuk Malaysia-Thailand.

Memurutnya, semasa melakukan pemeriksaan di ICQS' Bukit Bunga, anggota bertugas mengejar sebuah trak pikap milik warga Thailand yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Pemeriksaan di bahagian belakang kenderaan itu menemui 530kg tepung gandum bernilai RM1,272. Anggota penguat kuasa

turut menjumpai 102kg minyak masak peket bernilai RM255," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Azman memberitahu, suspek lelaki direman selama empat hari di Balai Polis Tanah Merah di sini, manakala isterinya pula ditahan di Balai Polis Batang Merbau untuk siasatan lanjut.

Katanya, KPDNHEP Kelantan memberi amaran tegas kepada individu yang menjalankan kegiatan penyeludupan dan tinjakan tegas akan diambil mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : SELASA
TARIKH : 25/10/2022
M/SURAT : 16



• Ayam	RM7.49	• Telur Gred A	RM13.05	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM10.90
• Daging Lembu Tempatan	RM38	• Ikan Kembung	RM10.50	• Bawang Besar Holland	RM2.89	• Kubis Tempatan	RM2.50
• Daging Lembu Import	RM50.90	• Minyak Masak	RM6.70	• Bawang Putih	RM4.99	• Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 OKTOBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
25-Oct	Isu royalti penggiat perfileman perlu dilihat semula pm ismail sabri	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-hiburan/isu-royalti-penggiat-perfileman-perlu-dilihat-semula-pm-ismail-sabri-387550%3famp=1	ASTROAWANI
25-Oct	Selesaikan isu pembayaran royalti dalam industri perfileman	https://www.dagangnews.com/content/selesaikan-isu-pembayaran-royalti-dalam-industri-perfileman-pm-20581	DAGANGNEWS
25-Oct	Isu royalti penggiat perfileman perlu dilihat semula - Ismail	https://m.malaysiakini.com/hiburan/640897	MALAYSIAKINI
25-Oct	Pameran asset ketenteraan tarian AKM Pahang	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2131788	BERNAMA
25-Oct	Military asset exhibition among attractions at Pahang AKM	Newswav&utm_medium=Website">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2131790&utm_source>Newswav&utm_medium=Website	BERNAMA
25-Oct	Pasangan suami isteri warga asing ditahan seludup barang kawalan	https://selangorkini.my/2022/10/pasangan-suami-isteri-warga-asing-ditahan-seludup-barangan-kawalan/	SELANGORKINI
25-Oct	Penyeludup tinggalkan 1,020 kg minyak masak peket	https://www.utusan.com.my/berita/2022/10/penyeludup-tinggalkan-1020-kg-minyak-masak-peket/	UM

25-Oct	Seludup Barang Kawalan, Pasangan Suami Isteri Warga Asing Ditahan	https://www.buletintv3.my/kes/seludup-barangan-kawalan-pasangan-suami-isteri-warga-asing-ditahan/	BULETINTV3
25-Oct	Pasangan suami isteri warga asing ditahan seludup barang kawalan	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/pasangan-suami-isteri-warga-asing-ditahan-seludup-barangan-kawalan-EC10031603	THESUNDAILY
25-Oct	SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI	https://youtu.be/-adg1zwLZF8	BERITARTM